

13 APR 1998

MAJLIS PELAJAR SAMBUT BAIK KEPUTUSAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Majlis Tindakan Pelajar Malaysia (MTPM) United Kingdom dan Eire menyambut baik keputusan kerajaan tidak memanggil pulang pelajar Malaysia di luar negara walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi.

MTPM dalam kenyataan hari ini berkata pengumuman Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini mengenai keputusan itu memberi keyakinan baru kepada pelajar terutama kepada pelajar tajaan bahawa kerajaan masih berupaya menyelesaikan isu-isu ekonomi tanpa menjejaskan penumpuan pelajar dalam pelajaran mereka.

"Pengumuman itu melegakan semua pelajar meskipun MTPM sedar beban yang harus ditanggung kerajaan, dengan itu MTPM amat berterima kasih atas keprihatinan kerajaan terhadap masa depan pelajar dalam menimba ilmu untuk membina negaranya nanti," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di London.

MTPM dianggotai Kesatuan Melayu United Kingdom (KMUK), United Kingdom Executive Council (UKEC), Malaysia Islamic Study Group (MISG-ABIM), United Kingdom Malaysia A-Level Student (UKMAS) dan Majlis Syura Muslimum (MSM).

Aspirasi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahukan rakyat Malaysia cemerlang dalam pelbagai jurusan harus dijayakan, kata MTPM yang bersedia memberi pandangan dan kerjasama dengan kerajaan bagi menangani masalah yang dihadapi. --

BERNAMA

NHD NMO